

Kaji dan cuba kaedah baru — PM

KUALA LUMPUR 5 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara membangun harus mengkaji dan mencuba kaedah baru serta tidak terhad kepada cara tradisional sahaja dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur.

Menurut Perdana Menteri, cabaran-cabaran besar yang dihadapi oleh kerajaan negara-negara membangun ialah untuk memperbaiki cara-cara memajukan proses perubahan sistematik serta untuk membawanya melalui pelbagai peringkat secara berterusan sehingga ia terlaksana.

“Isunya bukannya sama ada pembaharuan itu perlu dibuat secara radikal atau kurang tetapi bagaimana untuk memas-

tikan pembinaan semula struktur-struktur institusi dan perkembangan norma-norma baru ini tidak ketinggalan dalam pelonggaran syarat dan pembatalan kawal selia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Ke-2 Afro-Asian Mengenai Pembangunan Tenaga anjuran Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Persatuan Antarabangsa Mengenai Penjanaaan Elektrik, Penghantaran & Pengedaran Bagi Rantau Afro-Asia sempena 100 tahun TNB di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, keberanian dan realisme adalah sebagai pendekatan yang tepat untuk membawa perubahan ini.

“Selain itu, kebolehan untuk belajar daripada kegagalan adalah sama penting seperti belajar daripada kejayaan mana-mana uji kaji yang pernah dijalankan,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, satu aspek yang diperlukan dalam teknologi moden ini ialah bekalan elektrik yang mencukupi dan cabaran utama memastikan sistem bekalan itu beroperasi secara berkesan ke arah membekalkan elektrik yang boleh diharap dan mampu dinikmati oleh semua kategori pengguna.

“Ini hanya boleh dicapai dengan menggunakan teknologi termaju yang akan membolehkan negara-negara membangun melonjak dan menikmati bekalan elektrik bertaraf dunia,” katanya.

Beliau berkata, setakat

tertentu kononnya pen-swastaaan projek penjana-an tenaga ini akan mengabaikan kepentingan alam sekitar, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan memastikannya melalui undang-undang, alam sekitar dilindungi dari sebarang pencemaran, keadaan tersebut (pengabaian) tidak akan berlaku.

ini Malaysia telah memperbadankan lembaga bekalan elektriknya dengan menubuhkan TNB dan membenarkan sektor-sektor swasta mendirikan loji kuasa bebas (IPP) dalam mempercepatkan penajaan tenaga.

Berkembang

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia juga bernasib baik kerana projek-projek penswastaannya berjaya dan berkembang maju serta dapat mengurangkan subsidi.

Beliau menarik perhatian, dalam usaha menjadikan Malaysia negara perindustrian, kerajaan berharap akan menghadkan pengeluaran karbon dioksida, produk sampingan pembakaran hidrokarbon untuk tenaga.

Sehubungan dengan itu, Dr. Mahathir berkata,

Perdana Menteri berkata, laporan penilaian kesan alam sekitar adalah satu yang dimestikan untuk semua projek penjana-an tenaga sebagaimana kebanyakan industri lain.

“Kita akan memainkan peranan penting untuk melindungi alam sekitar sejagat dan mencapai pembangunan yang berkekalan,” katanya.

Malaysia akan terus membangunkan projek Bakun di Sarawak walaupun mendapat tentangan daripada golongan pencinta alam sekitar yang tidak mendapat maklumat sebenar.

Katanya, walaupun kawasan terlibat ini kecil tetapi pengawasan teliti perlu dibuat untuk melindunginya.

“Pembangunan loji hidro itu kurang mendatangkan kesan berbanding dengan pembakaran bahan api fosil secara berterusan.

“Memanfaatkan sumber-sumber hidro kita yang banyak akan membolehkan negara kita bertukar daripada sumber yang semakin kurang kepada sumber tenaga baru,” katanya.

Mengenai kerisauan di kalangan pihak-pihak

Malaysia antara negara yang menandatangani Rangka Kerja Antarabangsa Bagi Perubahan Iklim.

Persidangan selama empat hari ini disertai oleh 428 peserta dari 25 buah negara. Sebanyak 120 kertas kerja akan dibentangkan sepanjang persidangan tersebut.